



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD**  
**TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP DAN**  
**PEMBUKAAN JALAN LINGKARAN TENGAH UTAMA**  
**SEKSYEN 5B: KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI**  
**CHANDAN KE KAMPUNG ASAP DAN SEBAHAGIAN**  
**SEKSYEN 5A: PERSIMPANGAN KRAU, RAUB**

**25 JUN 2023**

**ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA MADANI,**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. yang telah mengurniakan segala rahmatnya untuk kita semua bersama-sama hadir dan memeriahkan lagi **Majlis Penyerahan Projek Siap Serta Pembukaan Jalan Lingkaran Tengah Utama Seksyen 5B: Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Asap Dan Sebahagian Seksyen 5A: Persimpangan Krau, Raub.**

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang** serta para hadirin kerana telah sudi untuk bersama-sama hadir pada hari ini. Tidak dilupakan, ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak sama ada daripada agensi Kerajaan, swasta serta rakan-rakan media yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Hadirin Yang Dihormati,

3. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelbagai projek infrastruktur melibatkan jalan dan jambatan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk dilaksanakan di negeri Pahang. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan ialah projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) atau dahulunya dikenali sebagai Central Spine Road yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan sehingga Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), Pahang. Panjang

keseluruhan projek LTU adalah 298.4 kilometer serta melibatkan kos sebanyak RM7.7 bilion.

4. Untuk makluman, projek Lingkaran Tengah Utama dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) manakala pelaksanaan projek adalah mengikut keutamaan pembinaan berdasarkan kawasan kemalangan (Pakej 3) dan kesesakan lalu lintas (Pakej 5). Oleh yang demikian, Pakej 3 dan Pakej 5 dimulakan lebih awal berbanding Pakej 1,2 dan 4.

5. Sebahagian daripada LTU Pakej 3 dan Pakej 5 telah pun siap dan dibuka untuk kegunaan orang ramai. Pakej 3 yang telah dibuka melibatkan jajaran Mentara ke Kampung Seberang Jelai, Pahang sepanjang 61.15 kilometer manakala Pakej 5 pula melibatkan jajaran Kg. Asap ke Kg. Sertik dan Bentong *Bypass* sepanjang 28.5 kilometer.

6. Projek LTU Seksyen 5B ini telah dimulakan pada 14 Mac 2018 dengan kos projek sebanyak RM 294.6 juta. Antara skop kerja yang dilaksanakan ialah membina jalan baru empat lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 16.9 kilometer, lima (5) buah jambatan, dua (2) *vehicular box culvert* (VBC), serta persimpangan Krau, Raub. Manakala baki kerja yang masih dilaksanakan (Seksyen 5A) adalah sepanjang 9.0 kilometer.

Para Hadirin Yang Saya Hormati,

7. Kementerian Kerja Raya amat berbesar hati dapat melaksanakan satu lagi projek yang dapat memberi manfaat kepada semua

rakyat dengan menyediakan rangkaian hubungan, aksesibiliti dan mobiliti melalui penyediaan infrastruktur jalan yang berkualiti. Sebelum ini, pengguna jalan raya dari Kuala Lumpur dan Bentong perlu melalui Jalan Persekutuan FT08 (Lebuhraya Kuala Lumpur-Gua musang) ke Bandar Raub dengan jarak perjalanan melebihi 30 km. Dengan siapnya Lebuhraya CSR Pakej 5B dan Pakej 5A (Persimpangan Krau), ia akan memendekkan perjalanan dari Simpang Keruntung ke Simpang Krau dengan jarak perjalanan hanya 18.6 km yang mengambil masa 15 minit sahaja.

8. Pembukaan jajaran ini juga akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di Jalan Persekutuan FT08 sedia ada terutamanya pada waktu puncak, musim perayaan utama dan cuti sekolah seterusnya menjimatkan masa selama 40 minit. Selain daripada itu, risiko kemalangan jalanraya juga dapat dikurangkan kerana simpang jalan yang bakal dibuka ini dilengkapi dengan lampu isyarat.

9. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya selaku tulang belakang projek, keseluruhan pasukan projek JKR Malaysia yang menjadi teraju utama dalam pelaksanaan projek pembinaan ini, para perunding yang menyelia dan mengawasi projek serta pihak kontraktor yang berjaya menyiapkan jalan LTU ini dengan komitmen dan usaha yang berterusan dari mula pembinaan sehingga ke tarikh penyerahan pada hari ini.

10. Saya juga berharap segala aduan kecacatan oleh pihak pengguna dalam tempoh tanggungan kecacatan perlu diberi perhatian dan diambil tindakan segera untuk kebaikan bersama. Semoga para pengguna jalan LTU berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur yang telah disediakan seterusnya dapat menikmati perjalanan yang lebih selesa dan selamat.

11. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Sekian, terima Kasih. Salam Malaysia Madani.

-Tamat-